



Khidmat Cemerlang Univeristi Dijulang

Dengan bertemakan "Khidmat Cemerlang Universiti Dijulang", Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2009 kali ke-6 telah berlangsung dengan jayanya pada 30 Jun yang lalu, bertempat di Grand Ballroom, 1 Borneo, Kota Kinabalu.

Dalam majlis itu, seramai 952 kakitangan UMS menerima anugerah, dengan 18 orang daripada Pengurusan Tertinggi (JUSA) menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, 150 menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, dan 687 menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji. Kesemua anugerah disampaikan oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr.Kamaruzaman Hj Ampom.

Dalam ucapannya terdahulu, beliau menegaskan bahawa kecemerlangan seseorang kakitangan tidak akan terjamin kelangsungannya jika tidak disertai dengan sikap yang positif dan komitmen yang tinggi para kakitangan. "APC ini merupakan satu-satunya platform untuk kita memberi

pengiktirafan dan penghargaan kepada kakitangan yang mencapai prestasi cemerlang berdasarkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)," katanya. Beliau turut berharap penghargaan yang diberikan akan menjadi batu loncatan kepada semua kakitangan untuk memberikan khidmat yang cemerlang pada tugas dan tanggungjawab yang dipikul.

Para penerima anugerah terdiri daripada kakitangan pengurusan dan profesional akademik, pengurusan dan profesional bukan akademik serta kakitangan sokongan I dan II. Sementara itu, seramai 97 kakitangan menerima Sijil Penghargaan Khas Perkhidmatan 10 Tahun bersama UMS, iaitu kakitangan yang dilantik pada tahun 2000. Penolong Pendaftar Kanan di Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS, Tuan Haji Firdaus Abdullah menjadi penerima Anugerah Khas Naib Canselor tahun 2009, anugerah yang buat julung kalinya diperkenalkan pada tahun ini.



TARIKH: 30 JUN 2010 / TEMPAT: GRAND BALLROOM 1 BORNEO, KOTA KINABALU